



# Penyelidik Muda EYReC-UniMAP Rangkul Emas Di PECIPTA 2013

Penyelidik muda Universiti  
Malaysia Perlis (UniMAP)  
melalui ENVEX Young  
Researcher Club (EYReC)

berjaya membawa pulang tiga pingat  
emas, empat pingat perak dan dua pingat gangsa di  
Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian  
Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2013) yang  
berlangsung pada 7 hingga 9 November 2013 lalu.

Pingat emas UniMAP disumbangkan oleh pelajar-  
pelajar tahun pertama Pusat Pengajian Kejuruteraan  
Bahan Farah Suhanah Ezani dan Kherni Hafizah  
Bakri dengan rekapipta *X-Ray Shielding Panel From  
Geopolymer Composite* serta produk rekapipta  
*HIJAUPLASTMAP* disumbangkan oleh Nor Diana  
Rafie, Nurnabilah Ibrahim dan Ku Nur Salsabila Ku  
Osman. Emas ketiga UniMAP disumbangkan oleh  
Pelajar tahun pertama Fakulti Teknologi  
Kejuruteraan (FETech) iaitu Muhammad Khairul  
Anwar Abu Khori, Ahmad Sedek Kamaruddin dan  
Nur Fatin Nazira Ab. Karim melalui hasil ciptaannya  
*GRCOMAP-A New Generation of Green  
Composites*.

